

**PELAKSANAAN BELANJAWAN 2021 KE ATAS ROKOK, PRODUK TEMBAKAU,
PERANTI ROKOK ELETRONIK DAN BUKAN ELEKTRONIK TERMASUK VAPE
SERTA CECAIR/ GEL TANPA NIKOTIN YANG DIGUNAKAN DALAM ROKOK
ELEKTRONIK**

**1. MEMBEKUKAN PENGETAHUAN LESEN IMPORT ROKOK BAHARU.
*FREEZING THE ISSUANCE OF NEW IMPORT LICENSE FOR CIGARETTE***

- 1Q1:** Berikut cadangan Kerajaan untuk membekukan Lesen Import Rokok baharu bagi rokok bermula pada 1 Januari 2021 dalam pembentangan Belanjawan 2021 baru-baru ini, adakah masih boleh dibuat permohonan Lesen Import Rokok baharu untuk baki tahun 2020?
- 1A1:** Permohonan Lesen Import Rokok baharu boleh dikemukakan sehingga 31 Disember 2020. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan adalah melalui Panel Pelesenan RMK dan tiada kelulusan secara *back dated* bagi setiap permohonan tersebut.
- 1Q2:** Adakah individu yang mengimport rokok melalui *parcel/ courier* untuk kegunaan sendiri perlu memohon Lesen Import Rokok?
- 1A2:** Individu yang mengimport rokok melalui *parcel/ courier* untuk kegunaan sendiri/ peribadi adalah dikecualikan dari keperluan lesen import selaras dengan kehendak Peraturan 42(2) Peraturan-Peraturan Kastam 2019. Walau bagaimanapun, had pengimportan oleh individu untuk kegunaan sendiri/ peribadi adalah tidak melebihi 200 batang rokok sahaja.
- 1Q3:** Pada tahun 2020, syarikat saya telah memperoleh Lesen Import Rokok. Adakah Lesen Import Rokok yang diberikan kepada saya itu akan ditarik balik apabila pembekuan Lesen Import Rokok baharu dilaksanakan pada tahun 2021?
- 1A3:** Lesen Import Rokok syarikat yang telah dikeluarkan pada tahun 2020, boleh diperbaharui (renew) untuk tahun 2021. Hanya pengeluaran lesen import baharu (new) sahaja yang dibekukan bermula 1 Januari 2021, kecuali bagi pemegang lesen yang melanggar syarat-syarat lesen import rokok yang telah ditetapkan.

2. MEMPERKETATKAN PEMBAHARUAN LESEN IMPORT ROKOK DAN MENGENAKAN KUOTA IMPORT

TIGHTENING THE RENEWAL OF IMPORT LICENSE FOR CIGARETTE THROUGH REVIEW OF LICENSE CONDITIONS INCLUDING THE IMPOSITION OF IMPORT QUOTA;

2Q1: Apakah maksud kuota import rokok yang dinyatakan dalam pengumuman Belanjawan 2021?

2A1: Kuota import rokok yang dimaksudkan dalam Belanjawan 2021 adalah syarat tambahan dalam kelulusan pembaharuan Lesen Import Rokok seperti berikut:

- a. Mematuhi syarat pengimportan minimum yang telah ditetapkan oleh Panel Pelesenan RMK dalam tempoh 12 bulan; dan
- b. Kuota pengimportan rokok oleh setiap pemegang Lesen Import Rokok akan mengambil kira purata kuantiti import dalam tempoh 3 tahun atau mengikut tempoh kelulusan Lesen Import Rokok bagi yang kurang daripada 3 tahun.

2Q2: Sekiranya syarikat pemegang lesen tidak dapat mematuhi syarat-syarat pembaharuan lesen yang ditetapkan, adakah syarikat layak membuat permohonan pembaharuan lesen?

2A2: Permohonan syarikat akan ditolak sekiranya syarikat tidak dapat mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan.

3. MENGHADKAN AKTIVITI TRANSHIPMENT ROKOK KEPADA PELABUHAN TERTENTU SAHAJA

LIMITING TRANSHIPMENT OF CIGARETTE TO DEDICATED PORTS ONLY

3Q1: Adakah aktiviti import rokok hanya dibenarkan di pelabuhan-pelabuhan sahaja bermula pada 1 Januari 2021?

3A1: Aktiviti import rokok masih dibenarkan di semua pintu masuk/ keluar Malaysia bagi pelesen-pelesen rokok tertakluk kepada tempat pengimportan yang telah diluluskan dalam Lesen Import Rokok.

3Q2: Apakah pelabuhan-pelabuhan yang ditetapkan untuk aktiviti *transhipment* rokok?

3A2: Bermula pada 1 Januari 2021, hanya pelabuhan-pelabuhan berikut sahaja dibenarkan untuk aktiviti *transhipment* rokok:

- a. Pelabuhan Barat, Port Klang, Selangor;
- b. Pelabuhan Utara, Port Klang, Selangor;
- c. Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor;
- d. Pelabuhan Sandakan, Sabah; dan
- e. Pelabuhan Senari, Sarawak;

3Q3: Adakah duti/ cukai dikenakan ke atas rokok bagi aktiviti *transhipment*?

3A3: Bagi aktiviti *transhipment* rokok, tiada duti/ cukai dikenakan dengan syarat destinasi terakhir rokok adalah di luar Malaysia seperti mana dinyatakan dalam *Bill of Lading* (BL) dan manifest pindah kapal (Borang Kastam No.5).

4. MENGENAKAN CUKAI DENGAN KEMUDAHAN PULANG BALIK KE ATAS SEMUA ROKOK IMPORT BAGI TUJUAN EKSPORT SEMULA
IMPOSITION OF TAX ON THE IMPORTATION OF CIGARETTES WITH DRAWBACK FACILITIES FOR RE-EXPORT

4Q1: Apakah dimaksudkan dengan pengimportan rokok bagi tujuan eksport semula?

4A1: Pengimportan rokok bagi tujuan eksport semula ke luar negara bermaksud rokok yang diimport bukan untuk jualan di pasaran tempatan dan akan dieksport semula ke luar negara.

4Q2: Adakah ditetapkan tempat pengimportan khusus bagi pengimportan rokok untuk tujuan eksport semula?

4A2: Ya, pengimportan rokok untuk tujuan eksport semula hanya dibenarkan di pelabuhan berstatus Zon Bebas sahaja.

4Q3: Bilakah permohonan tuntutan pulang balik (drawback) boleh dibuat?

4A3: Selaras dengan Seksyen 93, Akta Kastam 1967, tuntutan pulang balik boleh dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pengeksportan semula ke luar negara.

4Q4: Apakah syarat-syarat pengimportan rokok bagi tujuan pengeksportan semula yang melayakkan tuntutan pulang balik (drawback)?

4A4: Pengeksportan rokok ke luar negara bagi melayakan tuntutan pulang balik (drawback) tersebut hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

- a. Syarikat mempunyai Lesen Import semasa pengimportan;
- b. Pek rokok tidak boleh mempunyai setem cukai JKDM;
- c. Pek rokok tidak boleh mempunyai tanda amaran dan maklumat kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti yang ditetapkan di dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) yang berkuat kuasa;
- d. Membuat pengikraran menggunakan Borang Kastam No. 1 dan membayar duti/ cukai sepenuhnya;
- e. Memastikan *remark ‘FOR EXPORT ONLY’* dicetak pada setiap kotak (master case) rokok;
- f. Memastikan *remark ‘FOR EXPORT ONLY’* dicetak pada setiap pembungkusan produk tembakau, peranti rokok elektronik dan bukan elektronik termasuk vape serta cecair/ gel tanpa nikotin yang digunakan di dalam rokok elektronik; dan
- g. Rokok, produk tembakau, peranti rokok elektronik dan bukan elektronik termasuk vape serta cecair/ gel tanpa nikotin yang digunakan di dalam rokok elektronik yang dieksport semula keluar negara hendaklah diikrar menggunakan Borang Kastam No. 2 (K2). Bagi pengikraran K2 melalui Sistem Maklumat Kastam (SMK) hendaklah dicatatkan di ruang *Transaction Type* sebagai “D1” *export with drawback*. Bagi pengikraran K2 yang tidak menggunakan SMK, notis untuk menuntut pulang balik hendaklah dicatatkan secara jelas dalam borang pengikraran dengan menyatakan seksyen dan akta perundangan yang berkaitan.

4Q5: Bolehkah saya menuntut semula duti/ cukai ke atas rokok yang telah dieksport semula? Jika boleh, bagaimanakah caranya?

4A5: Boleh. Permohonan tuntutan pulang balik duti/ cukai hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang JKDM No.2 dan dokumen-dokumen berkaitan ke Cawangan Perakaunan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Teknik JKDM Negeri.

4Q6: Berapa lamakah rokok yang diimport boleh disimpan di dalam gudang sebelum dieksport semula?

4A6: Rokok yang disimpan di Zon Perdagangan Bebas (ZPB) hendaklah dieksport semula dalam tempoh 3 bulan dari tarikh duti/ cukai dibayar bagi melayakkan tuntutan semula.

4Q7: Bolehkah rokok yang diimport untuk tujuan eksport semula dijual di pasaran tempatan?

4A7: Tidak boleh.

4Q8: Bolehkah saya mengeksport semula rokok selepas tiga (3) bulan dari tarikh duti/ cukai dibayar?

4A8: Rokok boleh dieksport semula selepas tiga (3) bulan dari tarikh duti/ cukai dibayar, tetapi **tidak layak** untuk membuat tuntutan pulang balik ke atas duti/cukai yang telah dibayar.

**5. TIDAK MEMBENARKAN AKTIVITI *TRANSHIPMENT* DAN EKSPORT SEMULA ROKOK MENGGUNAKAN BOT-BOT KECIL TERMASUK BOT KUMPIT DAN HANYA DIBENARKAN PENGGUNAAN KONTENA ISO
*DISALLOW TRANSHIPMENT OF CIGARETTES AND RE-EXPORT OF CIGARETTES BY SMALL BOATS INCLUDING KUMPIT AND INSTEAD BE ALLOWED ONLY IN ISO CONTAINERS;***

5Q1: Mengapa tidak dibenarkan aktiviti *transhipment* dan eksport semula rokok menggunakan bot-bot kecil termasuk bot kumpit?

- 5A1: Selaras dengan peruntukan di bawah Sub-seksyen 142(17), Akta Kastam 1967, Menteri mempunyai kuasa untuk menetapkan apa-apa syarat untuk mengimport, mengeksport, mengangkut, atau memindahkan apa-apa barang di bawah satu lesen atau permit.
- 5Q2: Bagaimanakah sekiranya saya ingin menjalankan aktiviti *transhipment* rokok ke Selatan Filipina melalui Pelabuhan Sandakan, Sabah dan Pelabuhan Senari, Sarawak yang bukan berstatus Zon Bebas?**
- 5A2: *Transhipment* ke Selatan Filipina melalui Pelabuhan Sandakan, Sabah, dan Pelabuhan Senari, Sarawak boleh dilakukan dengan syarat menggunakan kontena ISO dan tidak dipecah pukal.

6. MENGENAKAN CUKAI KE ATAS ROKOK DAN PRODUK TEMBAKAU DI SEMUA PULAU BEBAS CUKAI DAN MANA-MANA ZON BEBAS YANG SEBELUM INI DIBENARKAN JUALAN RUNCIT ROKOK
MAKING CIGARETTES AND TOBACCO PRODUCTS AS TAXABLE GOODS IN ALL DUTY-FREE- ISLANDS AND ANY FREE-ZONES THAT HAVE BEEN PERMITTED RETAIL SALE OF DUTY- FREE CIGARETTES

- 6Q1: Syarikat/ premis saya mempunyai baki stok rokok dan produk tembakau yang diimport sebelum 1 Januari 2021. Apakah yang saya perlu lakukan ke atas baki rokok tersebut?**
- 6A1: Semua baki rokok dan produk tembakau yang telah diimport ke dalam PBC dan ZB (Perniagaan Runcit) **sebelum 1 Januari 2021** boleh disimpan/ dimiliki/ dijual/ dilupuskan di dalam PBC dan ZB (Perniagaan Runcit) yang sama.
- 6Q2: Bolehkah saya membawa keluar baki rokok yang berlabel setem cukai merah (MDNP) atau produk tembakau ke KUK?**
- 6A2: Baki rokok berlabel setem cukai merah (MDNP) dan produk tembakau yang masih belum dibayar duti/ cukai yang **hendak dibawa keluar ke KUK** hendaklah dijelaskan duti/ cukai terlebih dahulu mulai 1 Januari 2021.

6Q3 Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya saya masih mempunyai baki rokok berlabel setem merah yang telah diimport secara bebas cukai sebelum 1 Januari 2021?

6A3 Bagi tujuan kawalan dan auditan, pelesen/ pemilik rokok berlabel setem cukai merah (MDNP) dan produk tembakau bebas cukai dikehendaki menyedia dan mengemaskini rekod baki stok rokok dan produk tembakau yang telah diimport sebelum 1 Januari 2021. Laporan terperinci baki stok tersebut hendaklah dikemukakan kepada stesen JKDM yang mengawal selewat-lewatnya pada **10 Januari 2021**.

6Q4: Apakah Zon Perdagangan Bebas yang terlibat bagi aktiviti peruncitan yang perlu dijelaskan duti/ cukai ke atas rokok dan produk tembakau?

6A4: Zon Perdagangan Bebas yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- a. Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor, Kelantan
- b. Zon Perdagangan Bebas Rantau Panjang, Kelantan
- c. Kawasan Bebas Cukai Stulang Laut, Johor
- d. Zon Bebas Bukit Kayu Hitam, Kedah

6Q5: Bagaimana pelaksanaan layanan duti/ cukai rokok dan produk tembakau yang dibawa keluar dari Zon Bebas (Perniagaan Runcit) yang disenaraikan di soalan 6Q5?

6A5: Pembelian rokok bersetem cukai merah (MDNP) dan produk tembakau hendaklah dijelaskan duti/ cukai apabila dibawa keluar dari ZB (Perniagaan Runcit) mulai 1 Januari 2021.

6Q6: Adakah JKDM akan mewujudkan Kedai Bebas Cukai dan Gudang Berlesen di Pulau Bebas Cukai?

6A6: Tidak.